

SIGNIFIKAN PENDIDIKAN SIVIK TERHADAP PENGUKUHAN PROSES DEMOKRASI DI THAILAND

Abdulrazak @ Abdulroya Panaemalae

*Asean Studies Program, School of Liberal Arts,
Universiti Walailak, Nakhon si thammarat, Thailand
pabdul.razak09@gmail.com*

ABSTRACT

This article will discuss on the development of civic education and its contribution towards the democratization in Thailand. The aim is to highlight the weakness of democratic system that is practiced which is seemed originated from the lack of emphasis on the civic education. Furthermore, it will support and argue the important of such education as a mechanism in enhancing the democratization process.

The formation of democratic country of Thailand started since 1932. The unfinished formation gone through the stages of continuously up and down in the process. Theoretically, the process deserve a recognition. It is going into the right direction of having the ideal democratic country. There were continuous efforts between government and the people to cooperate to ensure the formation of an intent democratic country accomplished.

However, in reality they are ample of evidence showing that the practice of democracy is facing problems, whereby people feels that there is less democracy in the country which claim as a democratic. The development of democratic country is facing many hurdles, and among the main one is the lack of awareness by the people on their responsibilities towards establishing a democratic system. Furthermore, it interrupt the formation of the country of intent, and there are people look at Thailand as less successful in practicing the principles of democracy as it should be.

Therefore, the needs of civic education to be thought to the people in order to establish a successful democratic country. The concern is arising among the Thai elites lately.

In addition, the curriculum of civic education need to be evaluated to include the basic principles of democracy, also the rights and obligations under that principles, so people could practice it accordingly

Keywords: *Civic education; democratization.*

1.0 PENGENALAN

Pengabaian terhadap aspek pendidikan sivik adalah menjadi punca utama berlakunya mahakrisis politik di Thailand pada hari ini. Selama ini pucuk kepimpinan Thai terlalu memberi penekanan kepada kesedaran sistem dan falsafah demokrasi tanpa memberi kefahaman yang betul tentang bagaimana fungsi sebenar sebagai masyarakat sivil dalam sebuah negara pengamal demokrasi wajar bertindak dan meletakkan diri pada posisi yang betul. Sikap tidak memberi penerangan yang betul tentang bagaimana selaku warganegara mesti bertanggungjawab mengikut acuan demokrasi bolehlah disamakan dengan perbuatan 'memberi bunga kepada seekor monyet.' Sudah pasti bunga itu akan dirobek-robek sampai hancur oleh monyet. Kerana monyet tidak kenal akan nilai keindahan sekuntum bunga itu.

Justeru, untuk mengelak daripada ‘bunga menjadi mangsa di tangan monyet’ maka adalah sangat wajar kita mengajar dulu kepada monyet akan erti dan nilai keindahan bunga agar ia tahu serta kenal akan nilai sekuntum bunga itu. Apabila ia sudah kenal akan nilai sekuntum bunga itu maka monyet tidak lagi bersikap kurang ajar terhadap bunga lagi. Sebaliknya, jika langsung diberi bunga kepada monyet tanpa tunjuk ajar yang betul maka sudah tentu monyet akan mengoyak-ngoyak bunga itu. Keadaan ini tidaklah boleh menyalahkan monyet seratus peratus. Selaku pemilik kepada monyet adalah sangat wajar diberi tunjuk ajar atau melatih tentang tatacara menggunakannya terlebih dahulu. Latihan memerlukan proses dan institusi yang bertanggungjawab. Di sinilah perlunya **pendidikan sivik**.

Makalah ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman kepolitikan negara Thai serta ingin memperlihatkan proses pendemokrasian di Thailand. Namun makalah ini tidak akan mengupas terperinci tentang bentuk kurikulum dan kursus *Pendidikan Sivik* tetapi akan hanya menumpu perhatian kepada aspek konseptual pendidikan sivik sahaja. Dalam erti kata yang lebih mudah, ia berorientasikan lebih kepada tinjauan umum terhadap falsafah dan latar ringkas tentang pendidikan sivik di Thailand.

2.0 FALSAFAH DAN DEFINISI PENDIDIKAN SIVIK

Sebelum perbincangan lanjut diteruskan adalah sangat baik jika diterangkan dulu falsafah dan definisi pendidikan sivik. Pendidikan sivik secara mudah boleh didefinisikan sebagai satu bentuk pendidikan untuk membangunkan atau membina kewarganegaraan (Prinya Tewanarumitrakul, 2012 : 38). *Kamus Dewan* (edisi keempat) memberi maksud sivik iaitu, *pertama*, ilmu tatarakyat, *kedua*, hak, perasaan tanggungjawab dan sebagainya seseorang terhadap masyarakat (hlm. 1509). Dalam maksud kata lain, pendidikan sivik bertujuan supaya setiap warganegara dalam sesebuah negara demokratik dapat melibatkan diri secara aktif dalam pentadbiran negara. Sri Murniati dan Al-Mustaqeem M Radhi memberi definisi pendidikan sivik sebagai “pengetahuan dan keterampilan yang patut dimiliki oleh seseorang sebagai anggota masyarakat dan warganegara untuk ikut serta secara aktif dan berkesan dalam proses politik serta penggubalan dasar pemerintahan dan pentadbiran yang akan mempengaruhi kehidupan sehari-hariannya.”(Sri Murniati dan Al-Mustaqeem M Radhi, 2012 :17).

Sementara *School Improvement Maryland* memberi definisi hampir sama dengan definisi yang dikemukakan oleh Sri Murniati dan Al-Mustaqeem M Radhi, antara lain sebagai petik berkata ;

*Civic education in a democracy is education in self government.
Democratic self government means that citizens are actively
involved in their own governance; they do not just passively accept
the dictums of others or acquiesce to the demands of others..”*

(www.mdk12.org/instruction/curriculum/social_studies/what_is_civiced.html.
akses pada 15 Jun 2015)

3.0 HAKIKAT DEMOKRASI DALAM DUNIA GLOBAL

Ketamadunan manusia mempunyai sejarah berliku-liku panjang. Dunia telah menyaksikan bahawa setiap bangsa manusia berjuang menentang dengan satu sistem yang sama, iaitu sistem pemerintahan zalim yang menindas rakyat bawahan. Atas rasa tidak puas hati kerana merasakan bahawa hak asasi mereka dicerobohi dengan sewenang-wenang, tanpa memberi keadilan sewajarnya, maka akhirnya golongan rakyat ini bangkit untuk menentang para penguasa yang zalim dan cuba untuk menghapuskan segala penindasan yang selama ini melingkari hidup mereka. Ini satu trend yang berlaku di hampir setiap negara di dunia.

Sikap untuk hidup secara adil dan sejahtera telah menjadi fitrah setiap manusia tidak kira bangsa, keturunan dan agama. Oleh itu, untuk hidup dalam kerukunan maka terciptalah berbagai peraturan disiplin dan tatacara agar dapat memastikan bahawa hak asasi individu, keluarga terjamin. Jika berlaku sebarang penindasan atau hak mereka dilanggari maka di situ juga akan timbul penentangan. Sejarah ketamadunan manusia telah membuktikan hal ini. Jika diteliti dalam mana-mana catatan buku dan khazanah sejarah milik setiap rumpun bangsa di dunia ini ia pasti akan terjumpa dengan pertelagahan, permusuhan, pertumpahan darah, rampasan kuasa, penentangan, jatuh menjatuh antara dua puak, dan sebagainya.

Keadaan ini menunjukkan bahawa ada dua golongan yang memainkan teraju utama dalam setiap tamadun. Satu puak dipanggil golongan pemerintah manakala satu lagi golongan yang diperintah. Jatuh bangun sesuatu tamadun dipenuhi dengan perwatakan dua golongan ini. Jika dua golongan ini bersekongkol dan tidak melanggar batasan yang dipersetujui mengikut tradisi maka ia akan mendatangi kesejahteraan dan kemakmuran kepada negara. Sebaliknya jika ada rasa tidak puas hati di kalangan salah satu golongan, khasnya golongan bawahan, maka akan tercetuslah peristiwa-peristiwa hitam dengan melibatkan pertumpahan darah dan nyawa.

Berbekalkan pengajaran silam warisan moyang, generasi terkemudian mula sedar betapa perlunya ada satu sistem hidup bersama yang boleh menjamin kesejahteraan hidup. Maka sejak dari itu terhasillah pelbagai ramuan dan resepi hidup. Antaranya ialah apa yang disebut sebagai **sistem demokrasi**. Sistem ini semacam diterima-pakai oleh tamadun moden kerana falsafahnya yang berorientasikan **kesamarataan/keadilan, kebebasan dan kesatuan**. Ciri-ciri ini sangat sesuai dengan citarasa zaman sekarang. Yang dikatakan sangat sesuai di sini ialah kerana sifatnya yang berkiblatkan kepada rakyat, menjamin kerukunan hidup, menjaga hak asasi sebagai manusia, dan memberi kuasa sepenuhnya kepada rakyat dalam menentukan hala tuju diri. Demokrasi mewakili suara majoriti rakyat.

Dengan sifatnya yang sedemikian itulah sistem demokrasi dikira sangat sesuai dengan fitrah manusia. Justeru maka ia telah diterima sebagai ciri utama kepada tamadun manusia moden pada masa kini. Disebabkan sistem demokrasi memiliki ciri universal itulah maka ia segera diterima dengan mudah oleh sebahagian besar warga dunia.

Yusuf Al-Qaradhawi, dalam bukunya *Fiqh Kenegaraan* ada menyatakan bahawa “Pada hakikatnya, mereka yang mendalami realiti sebenar daripada demokrasi nescaya akan memahami bahawa sistem demokrasi sebenarnya merupakan gambaran daripada ajaran Islam” (Yusuf Al-Qaradhawi, 2009 : 202). Alasan kenapa seorang ulama seperti Yusuf Al-Qaradhawi boleh berhujah demikian adalah disebabkan terdapat ciri-ciri Islam dalam sistem demokrasi. Walau pun demokrasi tidak syumul sebagai satu dasar pemerintahan namun, kata Yusuf, “kita perlu mengambil segi-segi yang baik daripada sistem demokrasi. Terutama

beberapa perkara yang sangat diperlukan bagi mewujudkan keadilan, majlis syura, penghormatan terhadap hak-hak manusia serta penentangan terhadap para penguasa yang bersikap sombong di muka bumi” (ibid, 214). Islam sendiri pun tidak melarang umatnya mengambil hikmah (wisdom) daripada tamadun lain asalkan ia bermanfaat dan tidak bercanggah dengan nas-nas syariah (ibid.).

Pandangan Yusuf Al-Qaradhawi dalam hal ini sejajar dengan pandangan beberapa tokoh intelektual Islam lain yang berpandangan positif dan menerima baik sistem demokrasi, misalnya, **al-Ustaz Khalid Muhammad Khalid** yang menganggap demokrasi itu sebagai inti ajaran Islam (ibid, 226). Sementara itu, **Syed Hussein Alatas** sangat positif terhadap sistem demokrasi. Apatah lagi dalam konteks masyarakat Muslim. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa demokrasi ada keserasian dengan ajaran Islam. Hal ini dapat dibuktikan dalam bukunya *The Democracy of Islam* (1956). Apa yang mahu disampaikan dalam buku ini ialah intipati ajaran Islam pun ada dalam sistem demokrasi. Atau tidak keterlaluan jika dirumuskan di sini bahawa demokrasi itu adalah sebahagian daripada intipati ajaran Islam.

4.0 PENDIDIKAN SIVIK DAN KEPERLUANNYA DALAM ACUAN MEMBENTUK MASYARAKAT DEMOKRATIK

Demokrasi ibarat satu jenis *game* yang melibatkan orang awam, khasnya mereka yang bergelar warganegara dalam sesebuah negara. Setiap *game* permainan perlu ada etika dan tatacara supaya matlamat permainan tercapai dengan jayanya. Kod etika atau peraturan amat diperlukan untuk memastikan supaya permainan terkawal mengikut garis panduan yang ditetapkan. Tanpa kawalan rapi mengikut tatacara dan etika sudah pasti akan berlaku keadaan huru-hara, kerana setiap manusia cenderung untuk menang dalam mana-mana permainan atau pertandingan. Untuk mencapai kejayaan dan kemenangan itu, jika tanpa kawalan rapi, sudah pasti akan berlaku keadaan kucar-kacir kerana manusia yang terlibat dalam *game* ini akan melanggar peraturan. Ini kerana secara fitrahnya setiap manusia ingin kemenangan, dan tidak mahu kepada kekalahan. Ini kerana kemenangan itu membawa kepada kemasyhuran, kebanggaan, dan keberuntungan. Manusia sanggup melakukan apa saja asalkan kemenangan menjadi milik mereka. Bahkan untuk tujuan itu, jika perlu memusnahkan pihak lawan sekalipun ia sanggup melakukannya.

Di sinilah, dalam usaha untuk mengelakkan daripada berlakunya tragedi maka peraturan dan etika sangat signifikan. Ini bukan sahaja untuk mengelak daripada tercetus peristiwa duka sahaja bahkan juga demi memastikan supaya setiap *game* dan perlawanan berjalan lancar dan teratur. Mengharap supaya tidak timbul sebarang gangguan yang boleh mencacat-celakan permainan/perlawanan, atau dalam konteks ini adalah supaya pelaksanaan sistem demokrasi berjalan dengan baik, dan matlamat untuk membangun masyarakat harmonis tercapat. Masyarakat yang harmonis membawa kepada kemakmuran negara. Dan kemakmuran adalah matlamat akhir dalam sesebuah masyarakat dan tamadun manusia.

Tanpa peraturan yang mampu menawarkan keadilan kepada kedua belah pihak ia akan mencalarakan warna demokrasi itu sendiri. Malah akan timbul rasa tidak puas hati sehingga tercetus rusuhan, protes, dan pergaduhan yang akhirnya akan melumpuhkan negara. Untuk mengelak daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan dan supaya sistem demokrasi dapat dilaksanakan dengan sempurna maka satu modul khas atau resepi mujarab yang boleh mengubati luka parah dalam politik Thailand adalah sangat diperlukan. Dalam konteks seperti inilah pendidikan sivik sangat diperlukan. Modul ini diharap dapat

membimbing rakyat ke arah menjadi warganegara yang baik mengikut acuan sistem demokrasi.

Sistem demokrasi perlu kepada rakyat yang berjiwa demokratik. Tanpa rakyat berjiwa atau bersemangat demokratik sudah pasti sistem demokrasi dalam mana-mana negara sekali pun tidak akan tercapai matlamat murninya, iaitu kerukunan hidup di kalangan rakyat. Meskipun kerukunan hidup merupakan satu utopia namun untuk merealisasikannya adalah bukan perkara mustahil jika semua pihak turut memerah keringat dan menggembleng tenaga. Negara-negara demokratik yang telah maju seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Barat lain seperti British, German, Negara-negara Scandinavia (sekadar menyebut beberapa negara saja) telah membuktikan bahawa kerukunan hidup dapat dicapai jika sekiranya kita sanggup bekerja keras dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mencapainya. Maknanya, ia bukan bukan satu perkara mustahil dan di luar kemampuan manusia untuk melakukannya.

5.0 PERGOLAKAN DAN KRISIS POLITIK THAI HARI INI

Seperti yang dipaparkan oleh media tentang senario politik Thai hari ini maka begitulah realiti sebenar. Usia demokrasi di negara Thai kini telah mencecah 85 tahun (1932-2017). Dan sudah 20 buah perlembagaan diguna-pakai sebelum ini. Kini sedang digubal perlembagaan baharu. Kalau diibaratkan sebagai seorang manusia bermakna ia telah cukup dari segi pengalaman. Dalam usia sebegini lazimnya seseorang manusia itu telah cukup matang dan pengalamannya cukup banyak kerana ia telah melalui simpang-siur kehidupan. Dengan bekalan pengalaman yang cukup banyak ini akan membuat seseorang itu tenang dan damai dalam mengharungi liku-liku hidup yang bersimpang-siur. Akan tetapi, sebaliknya dengan Negara Thai yang sepatutnya sudah dapat menikmati keamanan dan kemakmuran dalam usia sebegini. Tetapi kegawatan dan konflik demi konflik tetap menyelubungi bumi gajah putih itu. Krisis politik dalaman tidak mudah untuk dileraikan dalam masa terdekat. Bahkan keadaan ini nampak semakin tenat. Ia meletakkan Negara Thai dalam dilema berpanjangan.

Jika dilihat dari segi kebebasan yang menjadi teras kepada sistem demokrasi, Negara Thai antara negara terkedepan berbanding dengan beberapa buah negara lain di rantau ini dalam memberi hak kebebasan kepada rakyat. Rakyat menikmati hak kebebasan mengikut tradisi demokrasi sepenuhnya. Walau pun kadang-kadang perlaksanaan hak kebebasan ini terbantut akibat daripada wujudnya anasir-anasir luar yang menjadi batu penghalang kepada proses perlaksanaan itu.

Seluruh rakyat Thai telah maklum bahawa Thailand adalah sebuah negara demokratik. Semangat demokratik ini tertanam sejak mula berlaku pertukaran sistem pemerintahan daripada sistem *monarchy* kepada sistem demokrasi liberal sejak tahun 1932 lagi. Demokrasi telah diterima-pakai dengan baik, dan ia telah mendarah-daging dalam jiwa seluruh rakyat Thai. Namun, roh dan semangat demokratik yang dianuti itu gagal dihayati sepenuhnya oleh rakyat Thai. Sebagai contoh, misalnya, mereka akur bahawa pilihanraya adalah salah satu kaedah yang adil apabila kemenangan dalam pilihanraya berpihak kepada mereka. Namun adalah sebaliknya apabila kekalahan berpihak kepada mereka. Maka mulailah ada reaksi rasa tidak puas hati, dan dari situ akan mula nampak ada riak protes dan tunjuk perasaan sehingga membawa kepada berlakunya rusuhan dan pertumpahan darah.

Dalam maksud kata lain, semangat demokratik itu belum mampu membentuk keperibadian mereka menjadi pengamal demokrasi tulen sepenuhnya. Yang jelasnya ialah hanya label

demokrasi saja yang mereka praktik. Malah pengambilan itu pun disebabkan ia sesuai dengan selera dan *mood* mereka. Yang dimaksudkan dengan semangat demokrasi tulen di sini, ialah sikap toleransi, semangat kekitaan, kerukunan hidup bersama, kesatuan, yang sepatutnya telah meresap ke dalam jiwa mereka sejak dari dulu lagi. Namun, apa yang terjadi adalah sebaliknya, iaitu pertelingkahan, persengketaan, konflik, dan krisis. Yang akhirnya mengakibatkan berlakunya tragedi pertumpahan darah sehingga mengakibatkan banyak nyawa terkorban atas nama demokrasi.

Kewarasan akal yang sepatutnya diterapkan untuk menimbangkan mana yang menguntungkan dan mana yang merugikan tidak dilaksanakan dengan baiknya. Slogan demokrasi yang dilaungkan selama ini langsung lesap dalam lipatan nafsu kepolitikan yang berkiblat mahu menang semata-mata. Seolah-olah kekalahan dalam persaingan politik merupakan satu keaiban yang tidak boleh diterima dan tidak ada sama sekali dalam kamus hidup mereka. Untuk merampas balik posisi itu akhirnya mereka bertindak di luar kawalan dan di luar batas tatacara masyarakat sivil. Yang rugi adalah negara. Keadaan seperti ini jadilah negara seperti ungkapan yang berbunyi “*yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu.*”

Ini semua adalah berpunca daripada kegagalan rakyat Thai menghayati roh dan semangat demokrasi tulen. Mereka lebih mengutamakan emosi, kepentingan peribadi dan kroni. Berdasarkan politik mahu menang inilah sehingga mereka hilang kewarasan akal yang rasional. Dalam keadaan seperti ini, tiada jalan lain lagi untuk menyelesaikan krisis ini kecuali dengan memberi semula ‘pendidikan sivik’ kepada rakyat Thai agar mereka sedar dan akur dengan tatacara rakyat dalam sebuah negara demokratik. Dan yang paling penting adalah supaya mereka ‘celik sivik’ (*Civic Literacy*) dan selanjutnya supaya terbentuklah ‘budaya sivik’ (*Civic Culture*) yang bukan saja kenal tatacara rakyat tetapi juga faham akan maksud sebenar sistem demokrasi secara menyeluruh. Dalam erti kata lain, ia bukan setakat kenal peti undi pada musim pilihanraya saja tetapi mampu menghayati semangat demokrasi itu sendiri.

6.0 TINJAUAN RINGKAS TENTANG PENDIDIKAN SIVIK DI THAILAND

Sebenarnya, pendidikan sivik telah sekian lama diajar dan diperkenalkan kepada rakyat Thai. Bahkan boleh dikatakan bahawa pendidikan sivik dipupuk dan bertapak sejak berlaku revolusi kuasa pada 1932 lagi. Sejurus berlaku revolusi tahun 1932 itu, tertubuhlah Universiti Thammasart yang selain bertujuan untuk memberi hak kesamarataan kependidikan kepada seluruh rakyat, ia juga adalah bertujuan untuk menanam dan memberi kesedaran kepada orang awam tentang tugas, tanggungjawab dan peranan kewarganegaraan itu sendiri.

Atas kepentingan sebagai modul pembentukan kewarganegaraan inilah maka pendidikan sivik ini kemudian diserap masuk ke dalam kurikulum pendidikan di peringkat sekolah rendah, iaitu **Kursus Pendidikan Sivik dan Moral**. Namun, atas sebab-sebab tertentu kursus ini dimansuh oleh Kementerian Pendidikan Thai [-baca pemerintah]. Akan tetapi, setelah sedar akan kepentingan Kursus Pendidikan Sivik ini dalam proses pembentukan kewarganegaraan maka akhirnya Kursus Pendidikan Sivik ini diperkenalkan semula. Sekarang kursus ini tidak lagi berdiri sebagai satu subjek khusus seperti pada peringkat awal sebelumnya akan tetapi diserap masuk ke dalam bahagian mata pelajaran **Kemasyarakatan** sahaja. Namun apapun yang penting, ia telah menunjukkan komitmen pemerintah Thai terhadap kepentingan Pendidikan Sivik dalam proses pendemokrasian di Negara Thai.

Yang jelasnya di sini, kerajaan Thai mula sedar betapa pentingnya peranan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dalam proses pembetulan masyarakat harmoni. Apatah lagi setelah krisis demi krisis melanda Negara Thai yang sekali gus hampir melumpuhkan kedaulatan Negara Thai. Maka pelbagai usaha telah dirangkakan oleh kerajaan untuk memastikan supaya rakyat Thai hidup terkawal dalam lingkungan sebagai rakyat yang bernaungkan sistem demokrasi berparlimen, di antaranya ialah dengan memperkenalkan semula kursus Pendidikan Sivik.

Sementara di kalangan orang awam, terutama di kalangan golongan intelektual, telah ada usaha-usaha ke arah pemupukan kesedaran tentang pendidikan sivik dan kewarganegaraan. Fenomena ini tampak jelas sejak berlaku krisis politik dalaman dalam jangka masa 10 tahun kebelakangan ini (2005-2015). Sejak dari situ mula nampak ada suara-suara melaung supaya pendidikan sivik dan kewarganegaraan diajar semula. Antara yang dapat dikesan ialah karya *Civic Education for Thai Society* (2011) oleh **Tippaporn Tantisunthorn** yang berkhidmat sebagai kakitangan di *Institute of Public Policy Studies* (IPPS).

Bertitik-tolak daripada kesedaran bahawa sistem demokrasi tidak dilahirkan secara fitrah, ia adalah buatan manusia, dan setiap manusia pula dilahirkan tanpa memiliki gen demokrasi sejak semulajadi. Oleh itu, untuk membentuk manusia masyarakat demokratik bukan perkara senang dan mudah. Apatah lagi, secara fitrahnya manusia memang tidak suka kepada disiplin peraturan dan lebih mementingkan diri sendiri. Justeru, untuk menjadi masyarakat sivil ia perlu kepada latihan mengikut sukatan atau tatacara yang telah dipersetujui semua (Tippaporn Tantisunthorn, 2011: 46).

Atas tujuan itulah maka IPPS ini ditubuhkan. Terdapat empat tujuan utama penubuhan IPPS seperti yang telah digariskan dalam buku *Civic Education for Thai Society*. *Pertama*, menggalakkan penyebaran ilmu dan kefahaman politik demokrasi. *Kedua*, memberi pendidikan dan penyebaran maklumat tentang dasar publik di samping menggalakkan pendidikan sivik tentang keterlibatan dalam menentukan dasar publik. *Ketiga*, untuk melahirkan warganegara yang berketrampilan dalam menggunakan kebebasan berdasarkan kebertanggungjawapan terhadap diri dan masyarakat. Dan *keempat*, untuk menggalakkan sebarang aktiviti keilmuan seperti forum, seminar, bengkel, kajian, penerbitan pelbagai jenis media.

IPPS ini dibiayai oleh yayasan *Konrad Adenauer Stiftung* German, yang antara lain tujuan utama yayasan ini ialah untuk menyokong pendidikan politik kepada warganegara supaya sistem Demokrasi dapat dilaksanakan dengan baik melalui campur tangan seluruh rakyat (Tippaporn Tantisunthorn, *ibid.*: 144). Ini kerana asas pemerintahan yang ditelah ditanam oleh Konrad Adenauer ialah di sebut sebagai “**participatory democracy**” (*ibid.*)

Setahun selepas itu terbit sebuah karya lain yang berjudul *Civic Education* (2012) hasil tulisan **Asst.Prof Dr.Prinya Tewanaruemitrakul**, seorang pensyarah, aktivis dan TNC Hal Ehwal Pelajar di Universiti Thammasart. Buku ini asalnya sebuah modul pendidikan sivik yang diajar kepada penuntut di Universiti Thammasart, terutama para pelajar yang mengambil bidang Sains Politik. Kemudian ia dikembang menjadi sebuah buku dalam bentuk booklet. Buku ini bertujuan untuk menegaskan bahawa perlunya Pendidikan Sivik dalam masyarakat Thai jika mahu memulihkan keadaan kegawatan politik dalaman.

Pada tahun 2014 terbit lagi sebuah buku di bawah kelolaan *Institute of Public Policy Studies*, iaitu buku *Pedagogy of the Democrat* hasil karya seorang tokoh akademik terulung Thai

Dr. Wichai Tansiri. Buku ini mengupas tentang bagaimana mahu mengajar semangat demokrasi kepada rakyat Thai, atau dalam erti kata lain memberi panduan tentang bagaimana mahu memberi kesedaran akan semangat demokrasi kepada warganegara Thai melalui sistem pendidikan formal, khususnya kepada remaja dan pelajar. Manakala untuk golongan orang awam diberi satu pendekatan lain yang diberi nama andragogi yang membicarakan bagaimana mengajar semangat demokrasi kepada orang awam agar dapat diselaraskan kefahaman demokrasi dengan golongan lain. Kedua-dua pendekatan ini, baik pedagogi mahupun andragogi. Mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mengajar ilmu tatarakyat atau bertujuan memupuk kesedaran dan tanggungjawab kewarganegaraan kepada seluruh rakyat Thai. Cuma mungkin cara dan kaedah saja berbeza.

Namun sebenarnya, jika ditelusuri dengan teliti akan mendapati bahawa jauh sebelum ini telah ada usaha-usaha seperti ini yang pernah dirintis oleh beberapa aktivis dan tokoh akademik terkemuka Thai. Antaranya seperti **Dr. Seksan Prasertkul** yang pernah menghasilkan puluhan esei yang membicarakan tentang demokrasi dan kewarganegaraan. Beliau pernah membuat kajian tentang perkara ini. Dan hasil kajian ini kemudian diterbitkan dalam bentuk buku berjudul *Kan muang paak prachachon nai rabob prachatippatai Thai* (Politik Orang Awam dalam Sistem Demokrasi Thai) (2005). Buku ini berfungsi sebagai *indicator* untuk melihat keterlibatan rakyat Thai dalam sistem demokrasi. Sekaligus, ia memperlihatkan sejauh manakah kejayaan dan kegagalan pelaksanaan sistem demokrasi di kalangan rakyat Thai. Sungguhpun, buku ini tidak menyebut secara langsung ungkapan tentang pendidikan sivik namun dari apa yang cuba disampaikan kepada pembaca ia telah nampak bahawa telah ada mesej tersirat tentang kewarganegaraan.

Demikian juga dengan seorang lagi tokoh akademik bidang sains politik Thailand yang tidak asing lagi, iaitu **Prof Dr Anek Laothamatas** yang juga boleh dikatakan bahawa telah turut mempunyai saham dalam memupuk kesedaran ke arah celik sivik atau pembentukan budaya sivik di Negara Thai. Dua buah karyanya, iaitu *Song nakra prachatiptai (Two Democracies in Thailand)* (1997), dan *Kan muang khong pollamuang : Su sawad mai (Civics and Self-Government)* (1997) adalah bukti yang cukup jelas akan komitmen beliau sebagai ahli akademik dalam usaha memberi panduan berguna kepada pembentukan budaya celik sivik di kalangan warganegara Thai.

Usaha-usaha seperti ini menunjukkan bahawa telah ada pengisian yang dirintis oleh ahli akademik dan golongan intelek Thai demi memastikan supaya acuan demokrasi di negara Thai berjalan lancar tanpa sebarang gangguan dan dapat dilaksanakan dengan baik serta mencapai matlamat asal sebuah negara demokratik. Demokrasi merupakan satu sistem politik yang baik dan memenuhi citarasa manusia namun jika pengamalannya tidak baik atau kurang sopan maka kemurnian demokrasi akan luntur jua. Umpama sebuah kereta mewah yang dipandu oleh pemandu yang kurang berhemah dan tidak mahu ikut peraturan lampu isyarat di jalanraya atau memandu sesuka hati nescaya kereta mewah itu akan terbabas akhirnya.

7.0 PENDIDIKAN SIVIK SEBAGAI MEKANISME PENYUBURAN SISTEM DEMOKRASI DAN KRITIKAN TERHADAPNYA

Dalam keadaan politik Thai yang sangat kritikal pada masa sekarang ini, pendidikan sivik menjadi harapan yang dapat memberi wajah baru kepada senario politik Thai. Di sini bolehlah dikatakan bahawa pendidikan sivik sebagai modul penjernihan semula dunia politik Thai yang telah dicemari oleh krisis dan konflik. Pendidikan sivik diharap mampu menjadi jentera dalam usaha untuk menyuburkan kembali demokrasi Thai dan mampu membawa kemakmuran kepada negara Thai.

Ini telah membuktikan bahawa setidak-tidaknya telah ada usaha daripada pihak pemerintah Thai untuk mengembalikan keamanan negara walau pun ia diselubungi oleh pelbagai masalah. Yang jelasnya, pendidikan sivik, sekurang-kurangnya, dapat meredakan keadaan, di samping berfungsi sebagai mekanisme ke arah penyuburan demokrasi di Negara Thai.

Sungguhpun, pendidikan sivik bukan ubat ajaib yang mampu menyelesaikan konflik politik namun setidak-tidaknya ia mampu mententeramkan sedikit keadaan pergolakan apabila semua rakyat sedar akan posisi dan fungsi diri masing-masing. Penyakit yang sangat kronik ini adalah sangat mustahil jika hanya menggantung harap sepenuhnya kepada pendidikan sivik semata-mata untuk menyembuhkan keadaan. Apatah lagi jika diteliti falsafah pendidikan sivik itu sendiri yang hanya bermatlamat untuk membentuk kewarganegaraan sahaja tanpa mempedulikan sama ada warganegara itu akan menjadi manusia baik atau tidak. Perhatian utama diberi kepada bagaimana membentuk warganegara mengikut acuan sistem demokrasi sahaja.

Sejajar dengan argumen di atas, penulis ingin mengulas isi kandungan buku *Civic Education* karya Asst.Prof Dr Prinya Tewanaruemitra. Perkara utama yang dibincangkan dalam buku ini sangat jelas bahawa ia lebih tertumpu kepada soal pembentukan kewarganegaraan sahaja tanpa menyatakan peranan dan fungsi moral sebagai unit penting dalam proses pembentukan kewarganegaraan ini. Daripada kupasannya dalam buku tersebut nampak jelas bahawa beliau sangat meyakini bahawa pendidikan sivik adalah cara terbaik untuk menyelesaikan masalah politik yang berlaku di Thailand.

Kajian mendapati bahawa idea dalam karya sebuah ini tidak cuba mengaitkan aspek agama/moral Buddhisme ke dalam proses pembentukan kewarganegaraan mengikut kursus pendidikan sivik. Malah boleh dikatakan bahawa ia langsung mengabaikan fungsi moral Buddhisme sebagai pemangkin masyarakat Thai itu sendiri. Pengabaian ini kemungkinan ia berpunca daripada beberapa sebab, antaranya mungkin beliau tidak menaruh harapan kepada Buddhisme sebagai mekanisme yang mampu menyelesaikan konflik, atau mungkin juga beliau sengaja mengabaikan Buddhisme daripada terlibat ke dalam kancah penyelesaian konflik kerana mengikut ajaran Buddhisme ia tidak boleh dicampuradukkan dengan hal ehwal kegiatan yang bersifat keduniaan. Apatah lagi sejak dari awal lagi sistem demokrasi itu secara terang bersifat sekular.

Mengikut Wan Mohd Nor Wan Daud dalam sebuah esei yang tersiar dalam PEMIKIR Jan-Mac 1996 yang bertajuk "Insan baik teras kewarganegaraan" (hlm.1-24), berpendapat bahawa hanya insan yang baik saja yang mampu menjadi pemangkin kepada kewarganegaraan, yakni teras kepada sesebuah negara. Dalam erti kata lain, untuk melahirkan insan yang baik itu tidak mungkin akan dapat direalisasikan jika tanpa melalui pendidikan yang berorientasikan kepada aspek agama, moral, adab, kasih sayang dan

sebagainya. Menurutnya lagi, pendidikan barat, atau tepatnya sistem pendidikan sekularisme, gagal melahirkan insan baik (*insan kamil*) kerana ia lebih bertujuan untuk melahirkan tenaga mahir untuk memenuhi permintaan pasaran industri sahaja.¹

8.0 RUMUSAN / PANDANGAN

Sistem demokrasi merupakan buatan manusia moden. Ia dibikin untuk dijadikan manual penghidupan masyarakat bertamadun. Dalam maksud lain, demokrasi sebenarnya adalah 'sosial kontrak' atau dasar persetujuan untuk hidup dalam kerukunan bersama. Apabila telah disedia maklum bahawa demokrasi sebagai satu inovasi buatan manusia, dan supaya ia diguna-pakai dengan betul mengikut fitrahnya maka ia sangat perlu kepada manual. Jika gagal memberi penerangan cara mengguna dengan betul kepada penggunanya maka tidak mustahil usia inovasi itu akan cepat rosak. Demikian juga dalam isu demokrasi ini, jika penganutnya mengguna 'barangan ini' dengan cara yang salah, di samping tidak memahami kaedah penggunaan yang betul mengikut fitrahnya lambat laun ia pasti akan mengalami kerosakan, dan akhirnya mendatangkan kehiruk-pikukan kepada negara tersebut. Apa tidaknya, setiap manusia itu tidak dilahirkan bersama gen demokrasi. Demokrasi merupakan inovasi sosial. Untuk memahami dan menggunakannya dengan betul maka satu panduan jitu diperlukan. Dalam maksud kata lain, untuk membentuk manusia demokratik diperlukan satu wahana lain yang boleh membantu para penganut sistem demokrasi ke arah kesedaran dan kefahaman dengan betul dan tepat mengikut acuan asal demokrasi.

Di sinilah, dalam usaha memantapkan proses pendemokrasian, pendidikan sivik sangat signifikan dan amat diperlukan. Kerana, seperti telah terbukti dalam beberapa buah negara maju, ternyata mereka berjaya membangun tamadun di bawah payung demokrasi. Para pemerintah bukan hanya menyogokkan rakyat dengan sistem demokrasi melulu tetapi mereka dibekalkan juga pendidikan sivik bersama. Ini supaya rakyat celik dan faham tentang tugas dan tanggungjawab mereka selaku warganegara. Mereka tahu untuk meletakkan posisi diri dalam proses pembangunan, Di samping itu juga, tahu untuk bertindak mengikut peraturan demokrasi. Apa yang berlaku di Thailand, iaitu krisis politik dalaman yang tidak berkesudahan, pada pandangan penulis ia berpunca daripada kedangkalan rakyat Thai selaku penganut demokrasi dalam memahami dan menghayati roh dan semangat demokrasi. Dan kedangkalan ini berlaku disebabkan ketiadaan serta kurangnya wahana yang boleh berfungsi sebagai mekanisme yang menggerakkan mereka ke arah penghayatan dan kefahaman akan konsep dan falsafah demokrasi tulen. Yang dimaksudkan dengan wahana dan mekanisme di sini ialah **pendidikan sivik**.

Meskipun demokrasi itu suatu sistem yang telah diperakui umum sebagai satu sistem pemerintahan yang praktikal dengan gaya hidup manusia moden namun disebabkan sikap penganut demokrasi bersikap bebal terhadap selok belok dan falsafah demokrasi maka sudah pasti ia tidak akan membawa demokrasi ke mana-mana, sebaliknya akan berlegar di sekitar kegawatan dengan tidak sudah-sudah. Ibarat demokrasi itu sebagai ubat mujarab namun kerana disalah-gunakan dan tidak mengikut peraturannya maka sudah pasti ia tidak akan membuahkan hasil. Untuk tujuan itu, tegasnya di sini, bahawa pendidikan sivik sangat diperlukan dalam usaha menuju kesempurnaan demokrasi.

1 Tugas universiti sewajarnya melahirkan insan berilmu dan mendukung gagasan intelektualisme dan bukan regu atau pasangan kepada sektor industri. Untuk soal ini sila lihat bersama buku **Universiti : Mendukung Tradisi Intelektual** karya Zaini Ujang (IKD : 1993)

BIBLIOGRAFI

- Anek Laothamatas, 1997. *Song nakra prachatiptai (Two Democracies in Thailand)*. Bangkok : Kobfai.(cetakan ke-6)
- Anek Laothamatas, 1997. *Kan muang khong pollamuang : Su sahawad mai (Civicness and Self-Government)*. Bangkok : Kobfai. (cetakan ke-4)
- Prinya Tewanaruemitrakul, Asst.Prof. Dr.,2012. *Kansuka pua saang pollamuang (Civic Education)*, Bangkok : NanmeeBook Publication Ltd. (Bahasa Thai).
- Seksan Prasertkul, 2005. *Kan Muang Paak Prachachon nai Rabob Prachatippatai Thai (Politik Rakyat dalam Sistem Demokrasi Thai)*. Bangkok : Amarin Publishing House. (Bahasa Thai).
- Sri Murniati dan Al-Mustaqeem M Radhi, 2012. *Pendidikan Sivik Untuk Penyuburan Demokrasi*. Selangor : IKD.
- Syed Hussein Alatas, 1956. *The Democracy of Islam*. The Hague and Bandung : W.Van Hoeve Ltd.
- Tippaporn Tantisunthorn, 2011. *Kansuksa pua saang pollamuang (Civic Education for Thai Society)*, Bangkok : Institute of Public Policy Studies (Bahasa Thai).
- Wan Mohd Nor wan daud, 1996. "Insan Baik Teras Kewarganegaraan" dalam *PEMIKIR*, Bil. 3, Jan-Mac 1996, m.s. 1-24.
- Wichai Tansiri, 2014. *Sastra kan sorn kwam pen prachatippatai (Pedagogy of the Democrat)*, Bangkok : Institute of Public Policy Studies. (Bahasa Thai).
- Yusuf Al-Qaradhawi, 2009. *Fiqh Kenegaraan*. Kuala Lumpur : Blue-T Publication Sdn Bhd.
- Zaini Ujang, 1993. *Universiti : Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur : IKD
- www.mdk12.org/instruction/curriculum/social_studies/what_is_civiced.html.